



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

29 Julai 2016 / 24 Syawal 1437H

Al-Anah sebagai rukun ketiga Hikmah

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا وَقَضَىٰ بِمَا يُرِيدُ حِكْمَةً  
وَ حُكْمًا، أَنْعَمَ بِالنَّعَمِ ابْتِلَاءً وَامْتِحَانًا، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَ حُدَّهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ أَفْضَلُ الْأَنْبِيَاءِ وَ مَصْبَاحُ الظَّلَامِ، اَللَّهُمَّ  
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَ عَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا  
كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ  
يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَ عَلَانِيَتَكُمْ

Sidang Jumaat yang saya kasihi, bertakwalah kita kepada Allah s.w.t. dengan penuh keikhlasan. Berusahalah untuk mempertingkatkan ketaatan kita kepada-Nya dan menjauhi diri kita dari perkara-perkara yang mendatangkan kemurkaan-Nya. Semoga di akhir Jumaat bulan Syawal ini, jalinan hubungan kita dengan Yang Maha Esa serta sesame insan semakin kukuh Amin.

Saudaraku,

Dalam kehidupan yang serba canggih ini, banyak perkara boleh dilakukan dalam jangka masa yang amat singkat. Perjalanan dari satu negara ke negara lain, yang mengambil masa yang agak lama suatu ketika dahulu, boleh ditempuhi dalam masa yang singkat. Bahkan usaha-usaha untuk mencari hadith kini menjadi begitu mudah dengan tersebarnya maklumat dan ilmu pengetahuan, sedangkan pada masa lalu para ulama harus menempuhi perjalanan berbulan lamanya semata-mata untuk mendengar sepotong hadith Rasulullah s.a.w. Tidak dapat dinafikan bahawa ini merupakan perkembangan yang baik, akan tetapi dari sudut yang lain, ianya boleh menimbulkan persoalan: Adakah semua perkara itu sesuai untuk dicapai dalam sekelip mata?

Sidang jumaat yang dikasihi Allah,

Pernahkah kita merenungkan mengapa Allah s.w.t. menurunkan Al-Quran secara bertahap-tahap kepada Baginda Nabi s.a.w. sedangkan Allah s.w.t. mampu untuk menurunkannya sekaligus secara keseluruhan?

Pernahkah kita memikirkan mengapa Allah s.w.t. menciptakan alam ini dalam berperingkat-peringkat sedangkan Allah s.w.t. mampu untuk menciptakannya dalam sekelip mata sahaja? Penciptaan langit dan bumi mengambil masa enam tempoh

sebagaimana yang dikhabarkan Allah s.w.t. dalam surah Hud ayat ketujuh:

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ وَكَانَ  
عَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَلَئِن  
قُلْتُمْ إِنَّا كَافِرُونَ مِنْ بَعْدِ الْمَوْتِ لَيَقُولَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا  
إِنْ هَذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٧﴾

Maksudnya: *"Dan Dia lah yang menjadikan langit dan bumi dalam enam tempoh, sedangkan Arasy-Nya, berada di atas air. (Dia menjadikan semuanya itu) untuk menguji kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalannya. Dan demi sesungguhnya! Jika engkau (wahai Nabi Muhammad) berkata: "Bahawa kamu akan dibangkitkan semula sesudah mati" tentulah orang-orang yang ingkar akan berkata: "Ini tidak lain, hanyalah sihir yang nyata."*

Saudara,

Di antara hikmah yang tersirat disebalik penurunan Al-Quran secara berperingkat-peringkat dan pada penciptaan langit dan bumi bertahap-tahap adalah untuk mengajarkan manusia agar tidak melakukan sesuatu tergesa-gesa. Inilah yang dimaksudkan dengan sifat *al-Anah*.

Dalam keghairahan kita untuk melihat natijah daripada usaha kita, kadangkala kita tergesa-gesa untuk mendapatkan

hasilnya. Kita harus sedar bahawa bukan semua perkara boleh diraih dalam jangka masa yang begitu singkat. Benih yang ditanam pada hari ini, tidak mungkin menghasilkan pohon yang berbuah keesokan hari. Inilah asam garam kehidupan atau pasang surut kehidupan yang perlu dilalui oleh setiap insan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Ingin saya menyarankan tiga langkah mudah untuk kita terapkan dalam kehidupan kita, sebagai langkah permulaan untuk menerapkan sifat *al-Anah* dalam diri kita.

**Langkah yang pertama** adalah untuk sentiasa melakukan sesuatu dengan cara *tadarruj* iaitu bertahap-tahap. Kita inginkan perubahan kepada yang lebih baik dalam diri ahli keluarga kita, bahkan sehinggakan di tempat kerja, ketahuilah bahawa segala perubahan, memerlukan kepada perubahan secara bertahap.

Perhatikan kisah berkaitan pemimpin 'Umar bin Abdul Aziz. Pada suatu ketika, anaknya merasakan bahawa usaha ayahnya dalam meluruskan kembali siasah pentadbiran negara dan kehidupan sosial masyarakat adalah terlalu lambat. Beliau berkata kepada ayahnya: "Wahai ayah, mengapakah kamu tidak memperkenalkan perubahan dengan segera? Demi Allah,

saya tidak peduli jika kita berdua binasa dalam usaha menegakkan kebenaran.”

‘Umar bin Abdul Aziz rahimahullah menjawab: “Jangan tergesa-gesa wahai anakku. Allah menyebutkan mengenai keburukan arak sebanyak dua kali di dalam Al-Quran, sebelum mengharamkannya pada kali ketiga. Aku khawatir sekiranya aku memaksa manusia untuk menerima kebenaran dengan segera, maka mereka juga akan menolaknya juga dengan segera.”

Perhatikan juga kenyataan Saidatina ‘Aisyah r.a. berkaitan pendekatan secara bertahap ini. Ummul Mukminin ‘Aisyah r.a. pernah berkata: “Ayat pertama yang diturunkan adalah berkenaan dengan syurga dan neraka. Kemudian, apabila manusia memeluk Islam, ayat halal dan haram diturunkan. Jika ayat pertama yang diturunkan adalah: “Jangan minum arak”, maka mereka akan mengatakan, “Kami tidak akan meninggalkan arak”. Jika ayat pertama yang diturunkan adalah, “Jangan berzina”, maka mereka akan mengatakan: “Kami tidak akan meninggalkan zina”.

**Selanjutnya langkah kedua** adalah mengukur usaha yang ingin dilaksanakan dengan kemampuan diri sendiri. Setiap individu atau kumpulan lebih mengenali kekuatan dan kelemahan diri masing-masing. Justeru itu, apa sahaja yang ingin diusahakan seorang Muslim, beliau hendaklah bijak

memilih strategi yang sesuai dan mempunyai jangkaan yang realistik, agar hasil yang diinginkan dapat direalisasikan mengikut masanya yang sesuai. Sebagai contoh ada orang yang baru terbuka hatinya untuk mengamalkan agama bersemangat untuk melaksanakan segala amalan. Namun dalam keghairahan melaksanakan sebahagian amalan ia ternyata boleh menyebabkan kemudaratan, kesulitan dan bahkan menjejaskan hubungan kekeluargaan mereka. Sedangkan natijah yang diharapkan oleh agama adalah sebaliknya.

Saudara,

**Langkah terakhir yang boleh dipertimbangkan** adalah bijak menimbang antara kemaslahatan yang ingin dicapai dan kemudaratan yang terhasil dari usaha yang ingin dilakukan. Anas bin Malik r.a. meriwayatkan, "Ketika kami berada di masjid bersama Rasulullah s.a.w., tiba-tiba datang seorang arab badui, lalu beliau kencing di dalam masjid. Maka para sahabat Rasulullah s.a.w. pun berkata, Mah! Mah! (sebagai tanda mengingkarinya). Maka Rasulullah s.a.w. bersabda, "Jangan diherdik, biarkan dia." Akhirnya mereka meninggalkannya hingga orang itu selesai melapaskan hajatnya. Setelah itu Rasulullah s.a.w. memanggilnya seraya bersabda: "Sesungguhnya masjid tidak layak dijadikan tempat kencing atau tempat kotoran, ia adalah tempat untuk berzikir kepada Allah, solat dan membaca Al-Quran." Kemudian Baginda s.a.w. meminta seseorang untuk mengambil air

lalu dituangkan ke atasnya.” [Hadith riwayat Al-Bukhari dan Muslim]

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Apabila kita merenungkan hadith ini, memang tidak dapat dinafikan bahawa perbuatan para sahabat yang ingin mencegah badwi tersebut daripada membuang najis dapat mengelakkan kawasan masjid tersebut daripada dikotori. Akan tetapi, perbuatan itu juga boleh menyebabkan insan tersebut melarikan diri dan air kencingnya akan terkena kepada lebih banyak tempat di dalam masjid. Bahkan ia juga boleh memudaratkan diri badwi itu sendiri. Kemudawatan yang terhasil daripada mencegahnya kencing adalah lebih besar daripada kemudawatan yang terhasil daripada membiarkannya. Oleh yang demikian, Rasulullah s.a.w. memerintahkan para sahabat untuk membiarkannya sehingga beliau selesai.

Saudara,

Dalam usaha kita membangun sikap hikmah, *Al-Hilm* atau kesantunan serta sifat *Al-Anah* atau ketenangan, ia memerlukan kita untuk mempunyai ilmu. Perbanyakkanlah usaha membaca dan menelaah kitab-kitab serta budayakanlah pembacaan yang luas. Pada masa yang sama dapatkan juga panduan daripada guru yang terlatih dan bertauliah. Semoga Allah s.w.t. mempermudah bagi kita untuk menghiasi diri dengan sifat *Al-Anah* dalam segala gerak-geri dan percakapan

kita. Semoga dengannya, kita dapat mencontohi jejak langkah Baginda Nabi s.a.w.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.